

18 NOV 2001

PBS-BN

KEPIMPINAN PBS SEDIA TEMUI PENYOKONG BAWAHAN UNTUK SERTAI SEMULA BN

KOTA KINABALU, 18 Nov (Bernama) -- Kepimpinan Parti Bersatu Sabah (PBS) bersedia menemui penyokong peringkat bawahan di seluruh negeri untuk menjelaskan mengenai keputusan untuk menyertai semula Barisan Nasional (BN), kata timbalan presiden parti Dr Yee Moh Chai.

Beliau berkata walaupun dasar bagi perubahan pendirian itu telah dijelaskan kepada para perwakilan kongres PBS di sini baru-baru ini, kepimpinan parti bersedia untuk memberi penjelasan lebih lanjut mengenai langkah itu.

"Jika perlu untuk memberi penjelasan lanjut, kami akan mempertimbangkan untuk memberi penjelasan bukan sahaja kepada anggota peringkat bawah tetapi juga orang ramai," kata beliau kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu di sini sekembalinya dari Kuala Lumpur.

Majlis Tertinggi PBS membuat keputusan untuk menyertai semula BN pada mesyuaratnya pada Selasa selepas para perwakilan ke kongres tahunan ke-16 parti membahaskan sama ada mereka harus memohon untuk kembali ke pangkuan BN.

Pada Khamis, Presiden PBS Datuk Joseph Pairin Kitingan menyerahkan secara rasmi permohonan untuk menyertai semula BN kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Pengerusi BN di Putrajaya.

Semalam, Dr Mahathir berkata keputusan permohonan PBS untuk menyertai semula BN mungkin diketahui sebelum Hari Raya Aidil Fitri.

PBS keluar daripada BN 11 tahun lalu menjelang pilihan raya umum 1990 untuk bergabung dengan Parti Semangat 46.

Ketika ditanya mengenai kedudukan anggota Dewan Undangan Negeri bagi Moyog Datuk Clarence Bongkos Malakun dalam parti berikutan penggantungan bahagiannya, Dr Yee berkata: "Parti belum menerima surat untuk melepaskan jawatan daripada mana-mana anggota dalam bahagian Moyog dna ini bermakna Datuk Clarence masih anggota PBS".

"Tumpuan sekarang ialah kepada perpaduan," kata beliau.

Mengenai tindakan anggota Majlis Tertinggi PBS Edmund Doudilim yang dikatakan keluar dari parti, beliau berkata, setakat ini ibu pejabat parti tidak menerima surat daripada beliau.

Semalam, Edmund berkata beliau keluar daripada parti kerana hilang kepercayaan kepada kepimpinan PBS kerana membuat rancangan secara sulit untuk menyertai semula BN.

-- BERNAMA

NT FAZ